



Anwar ketika wawancara bersama RIA Novosti dan RT di luar Forum Ekonomi Timur, di Moscow, semalam.

(Foto ihsan PMO)

Kerjasama 3 kuasa besar beri manfaat kepada Malaysia

Anwar yakin pelaburan serta perdagangan dengan China, India dan Russia tingkat ekonomi

Moscow: Kerjasama dengan Russia, China dan India akan memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Isu pemusatan dan pembabitan dengan Amerika Syarikat yang masih menjadi pemain utama dari segi pelaburan dan perdagangan dengan Malaysia, dengan Eropah, terutama Jerman dan lebih-lebih lagi sekarang dengan China, India dan Russia, akan memberi manfaat kepada kita," kata Anwar dalam satu wawancara bersama RIA Novosti dan RT di luar Forum Ekonomi Timur (EEF).

EEF bermula pada Selasa lalu hingga semalam di kampus Universiti Persekutuan Timur Jauh di Vladivostok yang mana Sputnik ialah rakan media rasmi forum.

Anwar juga berkata, rundingan mengenai penubuhan Tabung Kewangan Asia sedang berlangsung dan tabung itu tidak boleh dianggap sebagai alternatif, tetapi sebagai pelengkap kepada institusi kewangan antarabangsa sedia ada.

Perdana Menteri berkata, beliau mencadangkan penubuhan

tabung itu kerana percaya perlu ada mekanisme alternatif untuk melengkap dan kadangkala menangani tekanan, sambil menambah bahawa tidak ada keperluan untuk persaingan.

"Kami membincangkan perkara ini secara serius dalam kalangan (negara) ASEAN dan dengan China untuk mewujudkan tabung itu dan saya turut membangkitkan perkara ini dengan Perdana Menteri Jepun (Fumio Kishida). Jadi, rundingan sedang berlangsung," katanya.

Pengabaian prinsip moral

Mengenai isu konflik Palestin-Israel, Perdana Menteri berkata, dasar negara Barat terhadap konflik itu dan Semenanjung Gaza adalah tidak bermoral dan hipokrit berbanding pendekatan mereka terhadap krisis Ukraine.

"Saya menyebut mengenai pengabaian prinsip moral dan percanggahan yang jelas dalam cara mereka melihat konflik seperti di Ukraine berbanding di Gaza.

"Anda dapat lihat percanggahan yang ketara, kadangkala saya anggap ia seperti 'apocalyptic' (kiamat), tetapi akhirnya apa yang penting adalah untuk mencapai keamanan," katanya.

Mengulas mengenai tindakan Barat di Ukraine dan Semenanjung Gaza, Anwar berkata, keengganan kuasa Barat untuk mengikut prinsip penyelesaian konflik secara aman adalah mengejutkan.

"Kami menyokong penyelesaian secara aman, sama ada berhubung Ukraine atau sebahagian besar Gaza dengan kekejaman yang sedang menimpa rakyat Palestin di Gaza serta ketidakupayaan dan pengabaian sepenuhnya

prinsip oleh kuasa Barat, ini mengejutkan bagi saya," katanya.

Anwar juga berkata, Russia mampu menghadapi sekatan dengan lebih baik daripada jangkakan ramai pemerhati Barat.

"Pengalaman Russia sedikit berbeza kerana anda lebih kuat, lebih besar dan anda mempunyai tekad yang gigih serta sejarah yang hebat.

"Entah bagaimana, mereka menguruskan keadaan dengan lebih baik daripada apa yang difikirkan oleh ramai pemerhati Barat. Itu benar.

"Kita lihat pada angka ekonomi, lihat pada pengeluaran pertanian, teknologi baharu, lihat pada sistem perbankan," kata.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia tidak menyokong sebarang usaha memperkukuh kuasa pertahanan untuk menyerang negara lain.

"Tetapi jika ditanya mengenai pendirian kami, ia adalah untuk keamanan. Oleh itu, kami tidak menyokong sebarang usaha meningkatkan pertahanan atau persenjataan untuk menyerang mana-mana negara," katanya.

Dalam temu bual sama, Anwar turut menyuarakan keterujaannya mengenai lawatannya ke Rusia, dan beliau berhasrat untuk melawat St Petersburg dan Moscow.

"Saya teruja. Saya akan menyebut dalam kuliah saya hari ini bahawa saya mengenali Rusia lebih melalui novel (Boris) Pasternak, puisi Anna Akhmatova dan (Lev) Tolstoy.

"Saya sangat menantikan lawatan ke Moscow, khususnya St. Petersburg, yang saya rasa antara bandar paling menakjubkan di dunia," katanya.

BERNAMA-SPUTNIK